



I – SCAN CERUN



**MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI SELANGOR (MPIPANS)
TAHUN 2023**

BIDANG INOVASI:
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
KATEGORI:
PENAMBAHBAIKAN

ISI KANDUNGAN

BORANG PENYERTAAN	i
RINGKASAN EKSEKUTIF	ii
 BAB 1: PENGENALAN / LATAR BELAKANG	
1.1. Organisasi	1
1.2. Jabatan	1
1.3. Kumpulan	1
1.4. Masalah Di hadapi	2-3
 BAB 2: SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK.	
2.1. Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan / Organisasi	4
2.2. Memenuhi Kehendak “ Stakeholder ”	4
2.3. Sejajar Dengan Agenda Dan Matlamat Nasional	4
2.4. Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa	4
2.5. Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisis	5
2.5.1 Kaedah dan Analisis	5
2.5.2 Kelulusan Tajuk Projek	5
2.6. Pernyataan Sasaran ‘Outcome’ Dan Impak	5
2.6.1 Sasaran ‘Outcome’	5
2.6.2 Sasaran Impak	6
 BAB 3: TINDAKAN PENYELESAIAN.	
3.1. Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi penggunaan “Tools”	7
3.2. Penghasilan Dan Pengujian Prototaip	7
3.3. Tindakan Uji Cuba	8
3.4. Penghasilan “Output”	8
3.5. Perakuan daripada pihak bertaualiah/pihak berkuasa	9
3.6. Pelaksanaan Inovasi	9
 BAB 4: KEBERHASILAN PROJEK.	
4.1. ‘Outcome’ Projek Dan Pembuktian	10
4.1.1 Pencapaian ‘Outcome’ Dan Pembuktian	10-12
4.1.2 Faedah Sampingan (Luar Jangka).	12-13
4.2. Impak Projek Dan Pembuktian	13-14
 BAB 5: POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI.	
5.1. Penyeragaman kepada organisasi	15
5.2. Pendaftaran harta intelek	15
5.3. Penanda arasan daripada agensi luar	15
5.4. Replikasi perkomersialan	15
5.5. Pengembangan projek i-scan cerun	15
5.6. Pencapaian & Anugerah	16
 BAB 6: PENUTUP	16
 LAMPIRAN	

BAHAGIAN 1 : BORANG PENYERTAAN

No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)



**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN
AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023**

LATAR BELAKANG KUMPULAN	
Nama Kumpulan	ENGINEERING THINKER
Nama Organisasi	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA JABATAN KEJURUTERAAN
Alamat	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA, JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH, 56100 KUALA LUMPUR, SELANGOR
No Telefon & Faks	03-42857300
E - Mel	kejuruteraan@mpaj.gov.my
Tarikh kumpulan ditubuhkan	20 OKTOBER 2022
Bilangan ahli	9 ORANG
Nama Ketua Kumpulan	MUHAMAD DYNIEL BIN SAIPOLBAHRI
Nama Ahli	1. MOHD AZNIL BIN AZIZUL 2. FATHI SHAHIRAH BINTI ABD GHANI 3. NURUL NABILAH BINTI IBRAHIM 4. NUR AZREEN FAZRINA BINTI MOHAMAD AZLAN 5. NUR NADIAH BINTI MAHAT 6. ATIYAH NURATIQA BINTI EZAL 7. NURUL AQILLAH BINTI AHMAD 8. NORMAZLINA BINTI NOORDIN
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	MOHD KHAIRUDIN BIN MUHAMED
Nama projek	i-Scan Cerun
Bidang inovasi	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
Kategori inovasi	PENAMBAHBAIKAN
Tarikh mula projek	20 OKTOBER 2022
Tarikh siap projek	20 FEBRUARI 2023

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :

i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada **26 Januari 2023**

ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada **8 hingga 9 Mac 2023**

Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi


.....
MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM, SMS
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Cop Jabatan / Agensi



Tarikh : 04.4.23

PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)

Pengesahan

Panel :

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada..... dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tandatangan Panel Penilai

.....
Nama :

No. Kad Pengenalan:

Jawatan/Gred:

Jabatan/Agensi:

No.Siri:

Tarikh:

BAHAGIAN 2 : RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK			
Tajuk :	i-Scan Cerun		
Bidang Inovasi :	Pengurusan	Kategori Inovasi :	Penambahbaikan
KIK :	Sistem		
RINGKASAN PROJEK			
<u>Permasalahan</u> Lazimnya, orang awam yang ingin mengemukakan aduan khususnya berkaitan cerun akan memberi maklumat kepada Jabatan Korporat, MPAJ. Seterusnya, Jabatan Korporat akan mengisi maklumat tersebut ke dalam sistem portal MPAJ (sistem aduan) dan terus disalurkan ke kakitangan aduan Jabatan Kejuruteraan. Kemudian, kakitangan aduan tersebut akan edarkan aduan cerun ke kakitangan cerun yang bertugas mengikut Dun. Proses untuk aduan sampai ke kakitangan cerun mengambil masa kerana terpaksa melalui dari seorang kakitangan ke kakitangan yang lain. Justeru itu, melambatkan kakitangan cerun untuk mengambil tindakan ditapak. Apabila kakitangan cerun membuat semakan ditapak terdapat maklumat aduan yang tidak jelas dan seringkali berlaku kesilapan lokasi. Maka, kakitangan cerun terpaksa untuk menghubungi semula pengadu untuk mengetahui isu sebenar dan lokasi yang tepat. <u>Penyelesaian masalah</u> Perbincangan kumpulan mendapati bahawa penciptaan sistem i-Scan Cerun yang lebih pantas, efisien dan berterusan adalah cadangan penyelesaian yang inovatif. Selepas melalui fasa percubaan maka terhasillah sistem inovasi yang dipanggil sebagai “i-ScanCerun”. Produk ini merupakan penyelesaian inventif kepada masalah sumber maklumat yang kurang dan jelas. Hasil penciptaan produk ini adalah inovasi daripada sistem i-cerun yang sedia ada. <u>Pencapaian ‘outcome’</u> Projek telah menghasilkan ‘outcome’ yang signifikasi dari sudut penjimatan masa dan sumber tenaga kakitangan. Tempoh masa isu atau aduan cerun sampai kepada kakitangan cerun berjaya dikurangkan. Jumlah keseluruhan penjimatan masa untuk maklumat diterima oleh kakitangan cerun selepas percubaan dijalankan adalah daripada 24 jam kepada kurang satu (1) jam. Penglibatan sumber tenaga kakitangan pula meliputi daripada tiga (3) orang kakitangan kepada satu (1) orang kakitangan sahaja. Selain itu, kaedah mengemukakan isu atau aduan juga efisien dimana isu dan maklumat aduan terutama lokasi menjadi lebih tepat dan jelas difahami.			

MAKLUMAT PROJEK			
Tajuk :	i-Scan Cerun		
Bidang Inovasi :	Pengurusan	Bidang Inovasi :	Penambahbaikan
KIK :	Sistem		
RINGKASAN PROJEK			
<u>Potensi pengembangan projek</u>			
Berdasarkan kepada kejayaan impak positif daripada produk i-Scan Cerun ini, telah menyakini bahawa produk ini mampu diketengahkan ke peringkat bahagian dan unit di Jabatan Kejuruteraan serta di dalam kawasan pentadbiran MPAJ. Berdasarkan keberkesanan produk dalam menyelesaikan masalah isu dan maklumat aduan cerun yang kurang jelas, prosuk inovasi i-Scan Cerun berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan dan mampu meningkatkan tahap kualiti maklumbalas kepada pengadu. Selain itu, peningkatan tahap kualiti seberapa pantas kakitangan dalam melaksanakan tindakan misalnya pergi lawatan tapak aduan cerun dapat dicapai. Secara tidak langsung, tahap kepuasan pengadu terhadap kecepatan tindakan dan maklumbalas oleh kakitangan cerun juga meningkat.			

BAHAGIAN 3 : PERINCIAN PROJEK

BAB 1: PENGENALAN ATAU LATAR BELAKANG

1.1 ORGANISASI

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1992 dengan keluasan 14,350 hektar. MPAJ terletak dalam dua daerah iaitu daerah Hulu Langat dan daerah Gombak. Terdapat tiga (3) kawasan parlimen dan lima (5) dewan undangan negeri di MPAJ. Jumlah penduduk di seluruh kawasan pentadbiran MPAJ adalah seramai 600,000 orang pada tahun 2009 sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Diketuai oleh seorang Yang Dipertua, MPAJ dan mempunyai 912 orang kakitangan (**Lampiran 1.1**).

Visi MPAJ adalah menjadikan perbandaran Ampang Jaya ke arah **bandar digital dan berdaya huni menjelang 2025**. Seterusnya bagi Misi MPAJ adalah memperkasakan perkhidmatan perbandaran yang **mesra digital** bagi memastikan warga Ampang Jaya menikmati peningkatan kualiti hidup yang **inklusif, makmur dan harmoni**.

1.2 JABATAN


Jabatan Kejuruteraan adalah salah satu jabatan utama di MPAJ yang di bawah seliaan Ir. Ts. Hj. Zafrul Fazry bin Mohd Fauzi, AMS, PPT mempunyai lapan (8) bahagian iaitu Bahagian Jalan, Bahagian Elektrikal, Bahagian Pengurusan Permit dan Utiliti (PPU), Bahagian Cerun, Bahagian Kawalan Pembangunan (KP), Bahagian Saliran, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Mekanikal dan Bahagian Projek. Antara fungsi utama Bahagian Cerun yang diletakkan di bawah Jabatan Kejuruteraan adalah melaksanakan pemantauan, pemeriksaan dan perancangan kerja pemuliharaan cerun. Seterusnya menjalankan penyelenggaraan cerun-cerun seperti mana yang terdapat dalam senarai inventori secara berkala dan melaksana serta mengurus projek penstabilan dan pembaikan cerun dan sebagainya. (**Lampiran 1.2 dan 1.3**)

1.3 KUMPULAN

Kumpulan ini terdiri daripada sembilan (9) orang ahli dari Jabatan Kejuruteraan yang telah ditubuhkan pada 20 Oktober 2022 (**Lampiran 1.4**). Kumpulan telah bermesyuarat sebanyak 12 kali bagi membincangkan perancangan dan pelaksanaan projek berdasarkan carta perbatuan (**Lampiran 1.5 dan 1.6**). Setiap peringkat penyediaan dan perjalanan untuk menyiapkan projek inovasi ini telah dipantau secara menyeluruh oleh fasilitator kumpulan. Setiap ahli dalam kumpulan telah memberikan sumbangan dan peranan yang penting untuk menjayakan projek inovasi ini, setiap ahli juga mempunyai tugas-tugas yang berbeza selari dengan kelebihan yang ada pada diri dan memudahkan serta melicinkan proses mencipta produk dan penyediaan maklumat.

1.4 MASALAH DIHADAPI

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mempunyai 356 cerun yang dikategorikan kepada tiga (3) status risiko cerun. Tiga (3) status risiko cerun di MPAJ adalah sangat bahaya, bahaya dan kurang bahaya. Cerun yang dikategorikan sebagai kurang bahaya adalah sebanyak 193 cerun (54%), manakala status cerun yang berisiko bahaya adalah sebanyak 47 cerun (13%). Terakhir adalah risiko cerun yang sangat merbahaya adalah sebanyak 116 cerun (33%) di kawasan MPAJ (**Lampiran 1.7**) . Walaupun berbeza risiko cerun tersebut, tetapi pihak MPAJ tidak mahu ambil mudah apabila ianya melibatkan cerun.



Lampiran 1.7 Statistik Risiko Cerun di MPAJ.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang sinonim dengan kejadian tanah runtuh sejak kewujudannya pada tahun 1 Julai 1992 bermula dengan tragedi keruntuhan Highland Tower pada 11 Disember 1993 yang telah mengorbankan 48 nyawa. Berikut adalah sejarah kejadian tanah runtuh yang telah berlaku di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya:-

Bil	TAHUN	LOKASI	KESAN
1	11 Dis 1993	Highland Towers, Taman Hillview	48 nyawa terkorban
2	15 Mei 1999	Kondominium Antheneum Tower, Bukit Antarabangsa	-
3	05 OKT 2000	Jalan Utama Wangsa 1, Bukit Antarabangsa	-
4	24 Feb 2000	Taman Kencana, Ampang	1 nyawa terkorban
5	20 Nov 2000	Taman Hillview, Ukay Heights	8 nyawa terkorban
6	31 Mei 2006	Kampung Pasir, Ulu Klang	4 nyawa terkorban, 49 rumah kongsi
7	23 Apr 2008	Wangsa Height, Bukit Antarabangsa	4 buah kenderaan
8	06 Dis 2008	Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa	5 nyawa terkorban, 14 unit banglo
9	19 Sep 2009	Wangsa Height, Bukit Antarabangsa	-
10	21 Mei 2011	Rumah Anak Yatim Al-Taqwa, Hulu Langat	16 nyawa terkorban
11	06 Mei 2013	Jalan Ampang	-
12	03 Julai 2013	Ukay Perdana	9 buah kenderaan
13	10 Mac 2022	Taman Bukit Permai, Ampang	4 nyawa terkorban, 1 cedera, 10 buah kenderaan

Senarai Kejadian Tanah Runtuh di MPAJ.

Lazimnya, orang awam yang ingin mengemukakan aduan khususnya berkaitan cerun akan memberi maklumat kepada Jabatan Korporat, MPAJ. Seterusnya, Jabatan Korporat akan mengisi maklumat tersebut ke dalam sistem portal aduan MPAJ (sistem aduan) dan disalurkan ke kakitangan aduan Jabatan Kejuruteraan. Seterusnya, kakitangan aduan tersebut akan mengedarkan aduan cerun ke kakitangan cerun yang telah ditugaskan mengikut kawasan dun. Proses untuk sesuatu aduan sampai ke kakitangan atau pegawai cerun telah mengambil masa kerana terpaksa melalui dari seorang kakitangan ke kakitangan yang lain justeru telah melibatkan tenaga kerja yang ramai (**Lampiran 1.8**).

Kumpulan juga mengenalpasti daripada proses sesuatu aduan itu untuk sampai ke kakitangan cerun telah melambatkan kakitangan cerun untuk mengambil tindakan ditapak yang telah diadukan. Apabila kakitangan cerun membuat semakan ditapak terdapat maklumat aduan yang tidak jelas dan seringkali berlaku kesilapan lokasi cerun (**Lampiran 1.9**). Oleh yang demikian, kakitangan cerun terpaksa untuk menghubungi pengadu untuk mendapatkan maklumat dan mengetahui isu sebenar serta lokasi yang tepat. Masalah yang dihadapi dan penyelesaian projek telah dibentangkan dalam mesyuarat kumpulan pada 17hb November 2022.

TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
BULAN							
JANUARI		6	5	7	13	9	21
FEBRUARI		3	5	2	1	2	5
MAC	1	6	7	5	2	11	35
APRIL	6	21	2	11	6	18	20
MEI	6	16	6	8	9	6	6
JUN	5	6	4	5	16	11	14
JULAI	6	4	10	9	18	3	9
OGOS	5	4	7	10	7	5	7
SEPTEMBER	10	7	4	3	16	8	9
OKTOBER	4	6	15	30	10	3	10
NOVEMBER	6	8	16	14	10	26	11
DISEMBER	1	2	11	11	8	78	10
JULMLAH	50	89	92	115	116	180	157

Lampiran 1.10 Senarai Aduan Cerun tahun 2016 hingga tahun 2022

BAB 2: SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN / ORGANISASI.

Projek ini dipilih selari dengan visi, misi dan objektif Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sebagai sebuah perbandaran yang dianggarkan mempunyai jumlah sebanyak 356 cerun di Kawasan Ampang Jaya. Antara fungsi utama Bahagian Cerun dari Jabatan Kejuteraan adalah membantu dalam penyelenggaraan cerun serta meningkatkan tahap keselamatan penduduk yang mendiami kawasan bercerun dan bertanah tinggi di kawasan Ampang Jaya.

2.2 MEMENUHI KEHENDAK “STAKEHOLDER”

Merujuk kepada rekod temubual yang telah dilaksanakan oleh kumpulan. Seramai 23 individu telah ditemubual untuk mengetahui permasalahan berkaitan cerun di kawasan Ampang Jaya. Data dan laporan menunjukkan keperluan menyelesaikan masalah aduan berkaitan cerun yang berisiko perlu diberi perhatian. **LAMPIRAN 1**

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL.

Pindaan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) di bawah Seksyen 85A yang dikuatkuasa pada 27 Disember 2019 telah membolehkan PBT menghendaki pemunya tanah yang mempunyai kecerunan melebihi 25% dan ketinggian melebihi 10 meter, sama ada tanah tersebut didirikan bangunan atau tidak, untuk membuat pemeriksaan cerun sekali pada setiap 5 tahun. **LAMPIRAN 2**

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 19 Jun 2013, agensi awam bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengambil tindakan penyelesaian ke atas aduan yang dikemukakan terhadapnya. Semua agensi awam hendaklah memberi keutamaan kepada pengurusan aduan dengan menjadikannya agenda utama di semua peringkat perkhidmatan. Tempoh penyelesaian aduan biasa adalah dalam masa **15 hari masa bekerja** merujuk Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri. **LAMPIRAN 3**

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA.

Pelaksanaan projek inovasi ini bersesuaian dengan tragedi tanah runtuh yang terjadi di Taman Bukit Permai 2 pada bulan March 2022. Tragedi ini telah meragut nyawa seramai 4 orang dan telah merosakkan harta benda iaitu sebanyak 15 buah rumah dan 10 biji kenderaan. **LAMPIRAN 4**

Selain itu, berlakunya kejadian tanah runtuh di Batang Kali yang merupakan kejadian kedua terbesar. Tragedi pada kira-kira pukul 2.30 pagi 16 Dis, membabitkan 92 mangsa dengan 61 daripadanya terselamat manakala 31 lagi terkorban selepas berlaku runtuh tanah hingga menimbus kawasan perkhemahan. **LAMPIRAN 5**

“Platform mengenai cerun juga perlu diperkemaskan supaya semua agensi terlibat boleh bersama-sama menyelesaikan masalah bukan selesai isu cerun bila berlaku kejadian tanah runtuh tetapi berbincang dan meletakkan perspektif baharu dan bajet yang betul dalam urusan perkara tersebut.” **LAMPIRAN 6**

2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS.

2.5.1. KAEDAH DAN ANALISIS.

Pemilihan projek ini adalah berdasarkan kepada undian ahli kumpulan. Satu perbincangan telah diadakan oleh ahli kumpulan bertarikh 2022 menyuarakan pendapat untuk pemilihan projek yang akan diperkenalkan.


2.5.2. KELULUSAN TAJUK PROJEK

Pembentangan cadangan projek kepada PengarahKejuteraan telah diadakan pada 20 Oktober 2022. Pemilihan sistem ni adalah bertujuan untuk memudahkan komunitipenduduk untuk berkongsi maklumat sekiranya terdapat tanda- tanda awal pergerakan tanah pada cerun yang tidak diselenggara serta sebarang informasi tanah runtuh denganmudah, cepat dan tepat. Surat kelulusan projek telah diperoleh pada 20 Oktober 2022. **LAMPIRAN 7**

2.6 PENYATAAN SASARAN ‘OUTCOME’ DAN IMPAK.

2.6.1. SASARAN ‘OUTCOME’.

Berdasarkan data yang dikumpul, langkah strategik dirangka untuk mengatasi masalah yang dihadapi melalui penetapan sasaran. Melalui Teknik‘Blue Ocean Strategy’ (BOS),ahli kumpulan menggunakan ‘ERRC Grid’ untuk memperincikan sasaran ‘outcome’. Strategi kanvas cadangan penyelesaian dipaparkan bagi penetapan sasaran adalah seperti berikut:



2.6.2 SASARAN IMPAK

Projek ini memberikan sasaran impak jangka masa panjang dimana MPAJ telah dijadikan penanda aras sebagai pengurusan cerun yang terbaik. Hal ini tindakan awal juga dapat mengelakkan kerosakkan harta benda dalam skala yang lebih besar serta kehilangan nyawa boleh dielakkan.

STRATEGI	LANGKAH E.R.R.C	PENAMBAHBAIKKAN	SEMASA	SASARAN	% SASARAN
STRATEGI 1	ELIMINATE	Maklumat aduan tidak jelas dan tidak lengkap	10 Aduan	0	100%
STRATEGI 2	REDUCE	Penyaluran aduan terus ke kakitangan berkenaan	3 Kakitangan	1 Kakitangan	67%
STRATEGI 3	RAISE	Tempoh masa semakin tapak lebih pantas	72 Jam	24 jam	67%
STRATEGI 4	CREATE	Tercipta QR Code dan Platform Aduan	Tiada	Ada (QR Code dan Platform)	100%

Jadual ERRC


BAB 3: TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN 'TOOLS'.

Di dalam mencari penyelesaian masalah projek secara kreatif, punca masalah dikenal pasti terlebih dahulu dengan menggunakan kaedah “Bubble Diagram” **LAMPIRAN 3.1** maka antara punca masalah yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- a) Maklumat aduan tidak jelas
- b) Proses penyaluran aduan melalui lebih dari satu bahagian

Hasil daripada menganalisa mendapati bahawa merekabentuk sistem aduan i-ScanCerun adalah cadangan paling praktikal, maka Teknik “Tree diagram” digunakan untukmemperincikan cadangan penyelesaian seperti berikut **LAMPIRAN 3.2**



3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP.

Kumpulan Engineering Thinker telah mengambil inisiatif membangunkan sistem aduan dengan melalui QR Kode yang tersedia di setiap papan tanda ID cerun bagi memastikan proses penyaluran aduan tersebut lebih cepat dan efektif selaras dengan fungsi jabatan khususnya dan organisasi amnya.

PELAN PELAKSANAAN SISTEM i – SCAN CERUN

BIL	PERKARA	TEMPOH
1	Draf lakaran awal sistem i-Scan Cerun (Prototaip) LAMPIRAN 3.3	20 Okt 2022
2	Perbincangan bersama Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MPAJ	27 Okt 2022
3	Uji Cuba 1 / Taklimat	1 - 30 Nov 2022
4	Edaran borang kaji selidik dan taklimat kepada orang awam. LAMPIRAN 3.4	1 Dis 2022
5	Penambahbaikan	10 Dis 2022
6	Uji Cuba 2 / Taklimat	20 - 31 Dis 2022
7	Penambahbaikan	1 Jan 2023
8	Uji Cuba 3	19 -31 Jan 2023
9	Tindakan penyeragaman	20 Feb 2023


3.3 TINDAKAN UJI CUBA


BIL	PERKARA	TARIKH	SASARAN	KEPUTUSAN UJI CUBA
1	Uji Cuba 1 (Google Form)	1 - 30 Nov 2022	Orang awam dan Kakitangan cerun	Terdapat beberapa kelemahan dikenalpasti iaitu kesukaran pengguna untuk mengisi maklumat kerana pengguna perlu mendaftar masuk terlebih dahulu.
2	Uji Cuba 2	20 - 31 Dis 2022	Orang awam dan Kakitangan cerun	Terdapat juga kelemahan jika diakses menggunakan telefon bimbit iaitu paparan skrin sistem i-Scan Cerun tidak dipapar dengan penuh.
3	Uji Cuba 3	19 -31 Jan 2023	Orang awam dan Kakitangan cerun	Penambahbaikan telah dilakukan. Dibentangkan kepada Ketua Bahagian Cerun dan beliau berpuas hati dengan produk yang dihasilkan.

Rujuk lampiran uji cuba 1 dan 2 **LAMPIRAN 3.5**

3.4 PENGHASILAN OUTPUT : i – SCAN CERUN

Selepas beberapa uji cuba dijalankan maka terhasillah produk inovasi kumpulan ini yang diberi nama sebagai i-Scan Cerun (Sistem Aduan Cerun). Kajian menunjukkan system ini merupakan yang pertama diwujudkan di Malaysia.





3.5 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / PIHAK BERKUASA.

Kumpulan telah mendapatkan perakuan daripada Syarikat i-Tech Sdn Bhd yang merupakan syarikat dalam bidang teknologi maklumat dan pembangunan sistem bagi memperakukan bahawa sistem ini adalah selamat, sulit dan terkawal serta efisien. **LAMPIRAN 3.6**

3.6 PELAKSANAAN INOVASI.

Pelaksanaan inovasi telah dijalankan di peringkat Jabatan MPAJ khususnya Bahagian Cerun bagi menilai keberkesanan produk inovasi ini. Standard Operating Procedure (SOP) telah dibuat untuk memudahkan pengguna mengendalikan sistem i- Scan Cerun ini. Setiap proses pelaksanaan inovasi ini telah dipantau oleh fasilitator kumpulan. Perbincangan demi perbincangan telah dilaksanakan untuk menjayakan produk ini. Pencarian maklumat yang lengkap adalah diperlukan daripada kesemua ahlikumpulan yang terlibat. Pengubahsuaian telah diterapkan dan produk ini untuk mendapatkan keberkesanan produk ini sesuai dengan membanteras masalah yang dihadapi.

Sesi ujian dilaksanakan secara terperinci bagi mendapatkan data yang lengkap. Pemilihan lokasi amat penting kerana akan menyumbang kepada keberkesanan dankepuasan pengguna yang menggunakan produk ini. Pemilihan lokasi cerun di sekitarTaman Bukit Permai adalah lokasi yang umumnya telah berlaku kejadian runtuh cerun yang melibatkan penduduk. **LAMPIRAN 3.7**

4.0 KEBERHASILAN PROJEK

4.1 Outcome projek dan Pembuktian

4.1. a Pencapaian Outcome dan Pembuktian

4.1.a. i ELIMINATE: Maklumat aduan tidak jelas dan tidak lengkap.

Pada peringkat awal pembangunan sistem i-scan Cerun, Kumpulan Engineering Thinker telah membuat satu uji cuba menggunakan Google Form untuk pelanggan membuat aduan. Walaubagaimanapun, uji cuba tersebut terdapat beberapa kelemahan seperti pelanggan terpaksa Log Masuk email dan terdapat beberapa maklumat yang perlu dimasukkan seterusnya melambatkan proses membuat aduan tersebut.

Seterusnya, uji cuba kedua pula Engineering Thinker telah membina satu platform baharu untuk kemudahan pelanggan seterusnya memudahkan kakitangan cerun untuk membuat semakan di tapak. Namun, platform tersebut terdapat juga kelemahan di bahagian tarikh yang tidak dapat dikemas kini. Kumpulan telah mengambil inisiatif untuk menambah baik platform tersebut dengan memohon bantuan luar untuk tambah baik platform yang dibangunkan.

Setelah meneliti dan membuat pemerhatian dengan lebih lanjut, platform i-scan Cerun mampu untuk mengurangkan masalah maklumat tidak jelas dan tidak lengkap. Melalui penambahbaikan iaitu meletakkan Kod QR dipapan tanda di sesuatu lokasi, QR kod tersebut telah mengandungi maklumat serta inventori sesuatu cerun berkenaan.


Hasil kajian menunjukkan daripada sistem aduan yang lama, mendapati daripada jumlah keseluruhan aduan cerun (110) pada tahun 2022, sebanyak 28 (25.45 %) aduan bagi lokasi yang tidak jelas kini boleh dihapuskan dengan perbandingan sebanyak 74.54%. Rajah 4.1 menunjukkan perbandingan maklumat aduan antara sistem aduan yang lama dan sistem i-scan Cerun. Rujuk Jadual 4.1 bagi data aduan tidak jelas pada tahun 2022.

4.1.a. ii RAISE: Tempoh masa aduan lebih pantas.

Sistem aduan yang lama akan mengambil satu tempoh yang panjang untuk menyalurkan aduan tersebut kepada kakitangan cerun yang berkenaan. Melalui proses ISO yang lama, kebiasaan proses akan mengambil tempoh 72 jam (3 hari) (Rujuk Jadual 4.2 Piagam Pelanggan MPAJ) untuk memberikan maklum balas kepada pengadu. Rajah 4.2 menunjukkan carta alir yang menggunakan sistem aduan yang lama dan baharu (rujuk lampiran di halaman belakang).

Melalui platform i-scan Cerun, aduan yang diterima akan terus disalurkan kepada kakitangan cerun tanpa melalui kakitangan aduan. Perkara ini akan mempercepatkan proses aduan diterima seterusnya dapat mengurangkan tempoh masa yang lama untuk memberikan maklum balas.

Uji cuba yang telah dilakukan mendapati, tempoh masa aduan yang sepatutnya disalurkan dalam masa 72 jam (3 hari) dapat dikurangkan menjadi 24 jam (1 hari). Sebanyak dapat dikurangkan dan seterusnya dapat mengurangkan impak berlakunya tanah runtuh.



Rajah 4.1 Perbandingan maklumat aduan antara sistem aduan yang lama dan sistem i-scan Cerun.

4.1.a.iii REDUCE: Penyaluran aduan terus ke kakitangan berkenaan

Sebelum adanya perancangan bagi membangunkan platform i-scan Cerun, pihak jabatan menggunakan khidmat 3 orang kakitangan iaitu seorang kakitangan aduan, seorang kakitangan aduan kejuruteraan dan seorang kakitangan cerun bagi membantu menyelesaikan proses penyaluran aduan dan maklum balas. Namun demikian, akibat daripada kekangan masa dan keadaan semasa berkenaan kelewatan penyaluran maklumat peraka ini diambil serius oleh ahli kumpulan.

Oleh demikian, setelah idea bagi membangunkan platform i-scan Cerun diketengahkan, pihak Jabatan melihat bahawa tiada keperluan bagi menggunakan khidmat kakitangan aduan dan kakitangan aduan kejuruteraan. Ini adalah kerana sistem ini mampu meningkatkan kecekapan proses penyaluran aduan dan maklumat dan hal ini sangat menjimatkan berbanding kaedah penambahan kakitangan dengan penjimatan sebanyak 33%. Dapatan ini adalah melalui carta di bawah serta rujukan tangga gaji melalui laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (rujuk Rajah 4.3). Maka kakitangan aduan boleh terus menumpukan perhatian terhadap aduan yang selain daripada cerun. Melalui sistem inovasi ini, 3 kakitangan yang terlibat dapat dikurangkan menjadi 1 kakitangan sahaja.

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19		
▶ Klasifikasi Perkhidmatan:	Pentadbiran dan Sokongan	
▶ Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana	
▶ Kementerian/Jabatan:	Pelbagai Kementerian/Jabatan	
1. JADUAL GAJI		
Gaji Minimum	: RM1,352.00	
Gaji Maksimum	: RM4,003.00	
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	: RM100.00	

Penolong Jurutera Gred JA29		
▶ Kumpulan:	Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	
▶ Kem/Jab:	Pelbagai Kementerian/Jabatan	
▶ Jadual Gaji:		
GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,549.00	RM5,701.00	RM 145.00

Rajah 4.3 Menunjukkan tangkap layar tangga gaji bagi Pembantu Tadbir (N19) Dan Penolong Pegawai Jurutera (J29). Sumber: Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

4.1.a. iv CREATE: QR Code dan Platform

Kod QR yang dibina akan memudahkan pengguna untuk membuat aduan terus tanpa perlu mengisi lokasi kejadian dan juga mesra pengguna. Platform i-scan Cerun yang diwujudkan ini juga adalah mesra pengguna dimana platform ini mempunyai kemudahan komunikasi dua hala. Pengguna memberikan maklumat dan aduan seterusnya pihak majlis memberikan respon kepada pengadu.

4.1. b Faedah sampingan (luar jangka)

4.1.b. I Membantu Dalam Merealisasikan MPAJ Bandar Pintar 2025

MPAJ Bandar Pintar 2025 merupakan sebuah dasar baru MPAJ bagi menjadikan Kawasan MPAJ sebagai sebuah bandar pintar. Dasar ini menekankan 5 inisiatif yang perlu dicapai bagi mencapai status sebagai bandar pintar. Tadbir Urus Pintar, Ekonomi Pintar, Persekitaran Pintar, Masyarakat Pintar dan Infrastruktur Pintar. Platform i-scan Cerun dilihat membantu dalam menyokong Inisiatif Tadbir Urus Pintar dalam menyediakan perkhidmatan MPAJ yang bermutu dan berteknologi tinggi.

4.1.b. ii Pemudahcara Komunikasi Antara Kakitangan & Pengadu

Sebelum penggunaan platform i-scan Cerun komunikasi antara kakitangan cerun dan pengadu adalah dalam bentuk bersemuka, telefon dan email. Penggunaan medium tersebut kadang kala mewujudkan salah faham dalam komunikasi dan emosi. Melalui platform i-scan Cerun dapat memudahkan jurang komunikasi antara kakitangan cerun dan pengadu apabila kakitangan cerun boleh lebih memahami tindakan atau proses yang perlu dilakukan dengan hanya menyemak sistem aduan yang tersedia dan tidak perlu lagi bersemuka. Ini dapat dibuktikan melalui kajian soal selidik sebanyak 78.26% bersetuju bahawa penggunaan platform i-scan Cerun adalah mesra pengguna (rujuk lampiran Rajah 4.4).

4.1.b.iii Meningkatkan Kualiti Kerja Kakitangan Jabatan Dalam Pemprosesan Aduan

Sinergi platform i-scan Cerun dalam pelaksanaan kerja kakitangan dalam memproses aduan dapat mengurangkan kesilapan aduan tidak jelas dan kesilapan dokumentasi disebabkan sistem ini telah dilengkapi dengan maklumat cerun serta inventori yang memudahkan kakitangan cerun. Ini dapat dibuktikan melalui kajian soal selidik di mana sebanyak 60.87% responden mengatakan Tindakan yang diambil oleh MPAJ adalah dalam tempoh 14 hari hingga 30 hari (rujuk lampiran Rajah 4.5).

4.2 Impak projek dan Pembuktian

4.2. a Penilaian Impak dan Pembuktian

Hasil pemantauan dari semasa ke semasa mendapati tempoh masa yang diambil untuk semakan tapak dan pemberian maklumbalas boleh diselesaikan dalam masa 12 jam.

4.2. b Faedah sampingan (luar jangka)

4.2. b. i Meningkatkan Kualiti MPAJ

MPAJ telah dijadikan sebagai penanda aras sebagai pengurusan cerun yang terbaik. Sebagai salah satu contoh pada 14 Mac 2023, MPAJ telah dikunjungi Majlis Perbandaran Kemaman bagi mempelajari pengurusan cerun dalam kawasan pentadbiran MPAJ (Rujuk Gambar 4.1 di lampiran). Seterusnya, satu lawatan tapak ke Taman Bukit Permai 2 oleh peserta Kursus Forensik Cerun di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), yang dianjurkan oleh Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam, Jabatan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah menjadikan MPAJ sebagai kayu ukur terbaik bagi pengurusan cerun di kawasan Ampang Jaya dan pendedahan terhadap tindakbalas sekiranya kejadian tanah runtuh berlaku di kawasan PBT masing-masing (Rujuk Gambar 4.2 di lampiran).

Selain itu, terciptanya platform i-scan Cerun ini dapat memberi impak yang lebih baik terhadap pengurusan rekod. Rekod pengurusan juga akan lebih sistematik kerana Jabatan dapat menganalisa data dan menjana laporan untuk tujuan tindakan lanjut. Pengurusan rekod yang sistematik dapat meningkatkan lagi mutu dan kualiti MPAJ.

4.2. b. ii Mengelakan Kemerosotan Ekonomi Negara

Tanah runtuh sudah tentunya menyebabkan kerosakan harta benda. Hal ini membawa kerugian kepada ekonomi sesebuah negara. Ekonomi juga diperlukan dalam membaik pulih semula kawasan yang telah mengalami tanah runtuh. Ini memerlukan kos yang banyak dan sedikit sebanyak mengganggu ekonomi sesebuah negara.

Kemusanahan sesebuah bangunan dan juga penempatan disebabkan tanah runtuh yang dahsyat boleh menyebabkan kemusnahan sesebuah bandar. Manakala, kerosakan jalan raya akan menyebabkan terjejasnya sistem perhubungan jalan raya dan juga sistem komunikasi. Dengan terciptanya platform i-scan Cerun, tindakan awal dapat dilaksanakan oleh kakitangan cerun dan kejadian buruk dapat dikurangkan sekiranya tindakan awal diambil oleh pihak MPAJ seterusnya bencana yang bakal merugikan ekonomi dapat dielakkan.

4.2. b. iii Kehilangan nyawa boleh dikurangkan

Kehilangan nyawa merupakan satu kesan yang berbahaya apabila berlakunya sesuatu tanah runtuh dan ianya sukar dielakkan. Banyak nyawa akan terkorban apabila berlakunya tanah runtuh. Sebagai contoh kejadian gelinciran Tanah Taman Hill View berlaku pada 20 November 2002 telah memusnahkan sebuah rumah banglo dan mengorbankan lapan nyawa sekeluarga dan tanah runtuh di Highland Tower, Ulu Kelang menyebabkan seramai 48 orang terkorban dan ramai yang tercedera.

Sememangnya kehilangan nyawa tidak dapat dielakan jika berlaku sesuatu bencana, akan tetapi risiko tersebut dapat dielakan jika ada tindakan pantas dari pihak berkuasa. Jesteru kumpulan mengeluarkan idea agar platform i-scan Cerun dapat digunakan secara menyeluruh sama ada untuk aduan dan pemantauan.

BAB 5 : POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

5.1 PENYERAGAMAN KEPADA ORGANISASI

Projek ini telah pun berada di tahap yang bersedia kerana dari segi pengembangan sistem ia telah pun digunakan dan diseragamkan di peringkat jabatan. **(rujuk lampiran 5.1)**

5.2 PENDAFTARAN HARTA INTELEK

Projek ini telah melalui fasa perbincangan dengan pihak ICT melalui syarikat yang dilantik jabatan iaitu **I-TECH SDN BHD** untuk dipatenkan dan dokumen penyediaan bagi proses pendaftaran paten telah pun disediakan. No Pendaftaran Paten Produk bagi memelihara rekabentuk **I SCAN CERUN** daripada ditiru atau digunakan oleh mana-mana pihak tanpa kebenaran telah diperolehi dari pihak MyIPO iaitu dengan no. pendaftaran paten **PI2023001797** **(rujuk lampiran 5.2).**

5.3 PENANDA ARASAN DARIPADA AGENSI LUAR

Beberapa agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain telah hadir ke MPAJ dan membuat lawatan penanda arasan bagi mempelajari dan menggunakan sistem tersebut di agensi mereka. Antara agensi tersebut adalah seperti berikut**(rujuk lampiran 5.3):**

- a) Majlis Perbadanan Kemaman; dan
- b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

5.4 REPLIKASI DAN PERKOMERSIALAN

Walaupun belum pernah dikomersialkan, ahli kumpulan telah pun mempromosikan kepada beberapa jabatan lain dan orang awam. **(rujuk lampiran 5.4).**

5.5 PENGEMBANGAN PROJEK I-SCAN CERUN

Ahli kumpulan juga melihat potensi pengembangan projek ini dengan lebih luas apabila satu perbincangan lanjutan bersama pihak ict MPAJ telah diadakan untuk digunakan sistem i-Scan Cerun ini kepada jabatan lain serta kepada beberapa PBT lain **(rujuk lampiran 5.5).**

5.6 PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

Pada 8 Mac 2023 kumpulan telah menyertai Majlis Persada Inovasi Peringkat MPAJ 2023 yang diadakan di Auditorium MPAJ. Dalam pertandingan, Sistem i-Scan Cerun telah mendapat Johan. Dengan kewujudan sistem ini telah membuka suatu peluang baharu kepada pihak jabatan bagi menyelesaikan proses menyalurkan dan menyampaikan aduan kepada kakitangan yang terlibat. **(rujuk lampiran 5.6).**

6.0 PENUTUP

